

## **Fiqh ta'ayush dalam konteks maqasid syariah**

### **ABSTRAK**

Fiqh ta'ayush ialah fikah dalam hubungan sosial dan interaksi antara masyarakat yang berbeza etnik dan agama. Ia memberi panduan kepada Muslim bagaimana mempamerkan keanjalan syariah Islam dalam segenap aspek kehidupan, selain panduan untuk bergaul dan berinteraksi bersama masyarakat pelbagai etnik dan agama sambil memelihara jati diri sebagai Muslim. Fiqh ta'ayush memberi gambaran kepada muslim dan bukan muslim bahawa Islam membentuk kehidupan yang harmoni antara etnik dan agama.